

fokus



Selangor mengumpul **RM34.3 JUTA** daripada **12 IPT** yang dilantik sebagai penolong amil pada tahun lalu.

Di UiTM sebanyak **RM8.5 JUTA** berjaya dikutip dan sekitar **RM3.02 juta** diagih kepada **8,324 penerima** pada 2015.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Pengurusan PZSW, UiTM turut mendapat perhatian dunia apabila dianugerahkan **PENGURUSAN ZAKAT TERBAIK** di Institusi Pengajian Tinggi 2015 sempena Anugerah Kewangan Islam Global di Manama, Bahrain.

PZSW mengenal pasti **20,000 PENERIMA** yang layak menerima zakat membabitkan **RM16.2 juta** di 12 IPT pada tahun lalu.



ZAKAT IPT

- Berfungsi sebagai agen kutipan dan agihan zakat di IPT
- Memudahkan kakitangan dan pelajar membayar dan memohon zakat
- Membantu pusat zakat negeri mengenal pasti asnaf memerlukan
- Merupakan taliyah hayat pelajar untuk meneruskan pengajian walaupun tidak berkemampuan
- PZSW, UiTM dianugerahkan Best Zakat Management in Higher Education Institution 2015 bersempena Global Islamic Finance Awards di Manama, Bahrain
- IPT yang terlibat:
 - Universiti Teknologi Mara
 - Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Universiti Tenaga Nasional
 - Unitar International University
 - Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
 - Universiti Putra Malaysia
 - Universiti Multimedia
 - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
 - Infrastructure University Kuala Lumpur
 - Universiti Selangor
 - Management And Science University

SITUASI MENANG-MENANG

MENJALANKAN kerjasama dengan L2S sejak tahun 1998, ternyata kepercayaan yang diberi untuk menguruskan kutipan dan agihan di UiTM merupakan langkah proaktif serta bersifat menang-menang kepada kedua-dua pihak.

Ghafarullahhuddin berkata, ia secara tidak langsung meningkatkan jumlah kutipan dan memanfaatkan agihan bagi pusat zakat dan memudahkan kakitangan serta pelajar di IPT untuk membayar atau memohon sumbangan zakat.

"Secara umumnya pengurusan ini berkonsepkan desentralisasi pengurusan zakat negeri yang tidak hanya tertumpu di pejabat induk sahaja. Melalui konsep ini, penolong amil yang dilantik oleh pusat zakat dalam kalangan kakitangan boleh mengutip dan mengagihkan zakat dengan tertakluk sepenuhnya kepada enakmen zakat negeri."

"Pelantikan ini membolehkan IPT berkenaan memantau ibadah zakat warganya dengan perkhidmatan yang mesra di samping diberi kepercayaan mengagihkan sebahagian daripada kutipan zakat IPT ini dalam kalangan warga sendiri."

"L2S, misalnya mengizinkan 50 peratus daripada kutipan zakat IPT diagihkan kepada asnaf yang dikenalpasti berada di kampus berkenaan. Melalui pelantikan rasmi ini, L2S turut memberi separuh upah amil sebanyak 1/16 kepada IPT berkenaan," jelasnya.

Konsep itu juga tambahnya, membuatkan pembayar iaitu dalam kalangan kakitangan IPT lebih berpuas hati dengan zakat yang dikeluarkan kerana diuruskan oleh pusat zakat tempat dia bekerja di samping mengetahui dengan terperinci pengagihannya.



PARA pelajar berurusan di Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf Akademi Pengajian Islam Kontemp... di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor.